

CNS6280

U GB 18-11 00148 BH313

AAB

Mahathir - Jepun

DASAR PANDANG KE TIMUR MENINGKATKAN PELABURAN JEPUN DI MALAYSIA

I

PETALING JAYA, 18 Nov (Bernama) -- "Dasar Pandang Ke Timur" yang diperkenalkan pada 1981 dan Akta Pelaburan Asing 1986 mendorong kepada pertumbuhan pelabur-pelabur Jepun di Malaysia, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

Katanya, dengan pelaburan yang bertambah itu, bilangan pegawai Jepun dan keluarga mereka juga bertambah secara dramatik membuatkan kemudahan pendidikan untuk anak-anak mereka menjadi semakin penting.

"Apabila kemudahan-kemudahan ini disediakan, ia membuatkan pelabur-pelabur Jepun lebih tertarik dengan Malaysia," katanya ketika merasmikan bangunan baru Sekolah Jepun Kuala Lumpur di Subang, dekat sini.

Dr Mahathir berkata sekolah itu, yang menyediakan kemudahan pembelajaran untuk lebih 1,000 pelajar, menggambarkan hubungan rapat yang sedia terjalin antara Malaysia dan Jepun.

Ia juga menggambarkan mengenai peranan penting pelabur-pelabur Jepun di negara ini, katanya. -- Lagi.

♥18/11/15-05MST

U GB 18-11 00149 BH314

AAB

Mahathir - Jepun 2 Petaling Jaya

Dr Mahathir berkata, juga melalui "Dasar Pandang Ke Timur" bilangan rakyat Malaysia yang belajar di Jepun bertambah secara dramatik daripada hanya 147 orang pada 1982 kepada 3,400 pelajar dan pelatih pada tahun lepas.

Dengan pelancaran Wawasan 2020 pada Feb 1991 untuk menjadikan Malaysia negara perindustrian dengan masyarakat penyayang, banyak yang boleh dipelajari oleh Malaysia daripada Jepun, katanya.

Oleh itu katanya, penubuhan sekolah Jepun di sini bukan hanya menyediakan pendidikan Jepun kepada rakyat Jepun di Malaysia tetapi juga membolehkan wujudnya pertukaran kebudayaan antara kanak-kanak Jepun dan Malaysia melalui sukan, kebudayaan dan pertukaran aktiviti.

Dr Mahathir berkata Kelab Jepun juga sedang mempertimbangkan penubuhan pusat latihan Jepun bagi belia-belie Malaysia yang mahu belajar di Jepun.

"Pusat khusus latihan teknikal di bangunan lama di Taman Seputeh akan turut menyumbang untuk faedah masyarakat Malaysia," katanya. -- Lagi.

♥18/11/15-38MST

U GB 18-11 00160 BH315

AAB

Mahathir - Jepun 3 Petaling Jaya

Mengenai hubungan Jepun-Asean, Dr Mahathir berkata penubuhan sekolah-sekolah Jepun di setiap negara anggota Asean, kecuali Brunei, secara jelas menggambarkan mereka sangat rapat.

Katanya, ini bermakna Jepun mempunyai peranan tertentu di rantau ini.

"Saya difahamkan bahawa sistem pendidikan Jepun, sekarang sedang dilaksanakan di 88 buah sekolah Jepun di 55 negara di dua rantau sejajar dengan penglobalisasi perniagaan Jepun," katanya.

Beliau juga berkata daripada kira-kira 18,000 pelajar Jepun yang menuntut di luar negara, kira-kira 70 peratus daripadanya ialah di Asia.

Perdana Menteri kemudian menanam pokok "Jambol Merak" sempena perasmian bangunan sekolah itu.

Duta Jepun ke Malaysia, Taizo Nakamura berkata sekolah itu memberi peluang yang baik kepada kanak-kanak Jepun di sini untuk berinteraksi dengan masyarakat tempatan.

Katanya, sekolah itu menganjurkan aktiviti-aktiviti kebudayaan dan sukan dengan sekolah-sekolah di kawasan berkenaan dalam usaha memupuk kerjasama di kalangan kanak-kanak itu, dan aktiviti-aktiviti berkenaan akan diperluaskan.

— Lagi.

▼18/11/15-58MST

CNS6364

U GB 18-11 00161 BH316

AAB

Mahathir - Jepun 4 (Akhir) Petaling Jaya

Nakamura juga berkata bangunan sekolah lama di Taman Seputeh akan ditukar menjadi pusat khusus latihan teknikal bagi belia-belia Malaysia yang akan melanjutkan pelajaran ke Jepun.

Beliau berharap dengan adanya kemudahan itu, lebih ramai rakyat Malaysia akan berpeluang belajar di Jepun untuk meningkatkan bilangan pakar-pakar teknikal negara ini.

Pengerusi jawatankuasa pengurusan sekolah itu, Koichi Kitani memberitahu pemberita kemudian bahawa kampus berharga RM40 juta itu dilengkapi 71 bilik darjah berhawa dingin untuk lebih 1,000 pelajar bagi kelas tadika, sekolah rendah dan menengah rendah.

Terdapat juga dua kolam renang, gimnasium dan padang.

Kitani berkata sekolah itu juga mengadakan kelas bahasa Jepun setiap Khamis untuk rakyat negara ini.

"Kita menganjurkan pelajaran itu secara percuma dan mereka yang berminat menghadiri kelas baru Mei depan, boleh mendaftar pada April," katanya.

Pada masa ini, kira-kira 150 pelajar mengikuti pelajaran itu pada pelbagai peringkat. -- Bernama.

AH/JO AZ.

▼18/11/16-11MST